

Setelah berkhidmat lebih 10 tahun dalam Persisi

Haji Ya'acob tegas ingin undurkan diri

DR HAJI Ya'acob Mohamed bertegas mahu mengundurkan diri sepenuhnya daripada Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Beliau telah pun meletak jawatan sebagai Presiden. Tetapi, Persisi mencuba untuk terus mendapatkan khidmatnya dalam badan induk silat itu dengan cara menjadikannya sebagai penasihat.

Tawaran terbaru itu juga ditolaknya dan Dr Haji Ya'acob mempunyai beberapa sebab yang beliau percaya cukup kuat untuk berbuat demikian.

"Saya berasa khidmat saya memang sudah tidak diperlukan lagi. Selama enam bulan setelah pulang dari Mesir, saya tidak pernah diberitahu tentang kegiatan-kegiatannya.

"Ini berlaku sedangkan saya merupakan Presiden Persisi sepanjang masa itu. Apatah lagi kalau saya menjadi penasihatnya."

Begitu tegas kenyataan Dr Haji Ya'acob ketika dihubungi oleh *Berita Harian* dan diberitahu mengenai tawaran terbaru

Persisi yang mahu menjadikannya penasihat selepas perletakan jawatan beliau selaku Presiden diterima oleh persekutuan itu.

Beliau menghantar surat perletakan jawatannya selaku Presiden persekutuan itu pada 20 September lalu.

Beliau telah menjadi Presiden sejak Persisi ditubuhkan dalam 1975.

Demonstrasi

Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff memberitahu: "Keputusan itu dibuat kerana kami tidak mahu kehilangan orang yang telah banyak berjasa kepada Persisi."

Haji Ya'acob, bekas duta Singapura ke Mesir dan India, dikatakan telah beberapa kali menyatakan hasratnya untuk mengundurkan diri daripada persekutuan yang diasaskannya itu.

Tetapi setiap itu juga beliau diminta supaya menangguhkannya. Ketika ditemui baru-baru ini, Haji Ya'acob, yang juga Presiden Persekutuan

Amatur Sepaktakraw Singapura (Perses) memberitahu, kembalinya dari Mesir sejak April lalu, beliau tidak sekalipun diundang menghadiri mesyuarat.

Malah rancangan Persisi untuk mengadakan demonstrasi silat di Vienna juga tidak dirundingkan bersama beliau.

Meskipun laporan-laporan dihantarkan tetapi beliau tidak dapat membincangkannya.

"Inilah yang saya kesalkan. Seperti ada sesuatu yang hendak disembunyikan daripada saya," jelas Haji Ya'acob.

Dalam pada itu juga, beliau masih tetap dapat berbangga dengan apa yang telah dicapai oleh Persisi sepanjang 10 tahun penubuhannya.

Menceritakan sedikit mengenai sejarah penubuhan persekutuan tersebut, Haji Ya'acob mengatakan kembalinya dari Australia pada 1975, Persatuan Rakyat (PA) telah meminta beliau supaya menubuhkan sebuah badan induk (Persisi) yang diletakkan di bawah naungan Perses.

Matlamatnya adalah untuk menggalangkan kesemua kumpulan perguruan pencak silat di Singapura.

Atas usaha bersama badan-badan kerabat dan anggota-anggota jawatankuasanya, Persisi kini sudah terkenal ke selu-

ruh Asia malah ke Eropah. "Persisi masih boleh maju lagi. Perjalanannya baik tetapi masih banyak lagi yang boleh diperbaiki," tegas Haji Ya'acob.

Beliau juga memberikan pandangan agar setiap perkara yang telah dirancang harus dilaksanakan mengikut jadual.

Sebagai sebuah badan induk, menurut Haji Ya'acob lagi, Persisi tidak harus melengah-lengahkan usaha mereka.

Sejarah silat

Dengan memberikan contoh kepada usaha mendokumentasikan sejarah silat, Haji Ya'acob berkata: **24 OCT 1986**

"Sampai sekarang masih belum nampak hasilnya lagi. Kalau tidak dilakukan segera, kita mungkin tidak akan dapat melihatnya pada masa-masa akan datang."

Persisi, menurut beliau lagi, mesti merapatkan lagi hubungan dengan badan-badan kerabatnya.

Kerjasama yang lebih rapi perlu diatur demi memelihara hubungan yang harmoni dan memajukan lagi seni silat kita.



• **DR HAJI YA'ACOB**
'Persisi masih boleh maju lagi. Perjalanannya baik tetapi masih banyak lagi yang boleh diperbaiki.'